

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

SPU404 - Seminar Perhubungan Antarabangsa

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

1. Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A (5 soalan).

2. Jawab **DUA** (2) soalan Esei daripada 4 soalan dalam Bahagian B.

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN A (WAJIB): (50 Markah)

Jawab SEMUA soalan.

- 1) Telah dikatakan bahawa konsep hegemoni mirip kepada konsep Parsonian. Apakah itu konsep Parsonian dan apakah perbezaannya dengan konsep hegemoni?

(10 Markah)

3/-

Angka Giliran: _____

- 2) R. A. Isaak dalam menerangkan tujuan kepimpinan hegemonik menyatakan bahawa secara asasnya kuasa hegemonik haruslah sanggup untuk melakukan sesuatu. Terdapat lima kesanggupan ini. Senarai dan jelaskan kelima-lima kesanggupan ini.

(10 Markah)

..4/-

Angka Giliran: _____

- 3) Robert Cox telah mendefinisikan order dunia hegemonik (hegemonic world order) ini sebagai konseptualisasi yang universal. Apakah maksud beliau dengan konseptualisasi yang universal dan apakah elemen-elemen yang membantu konseptualisasi itu.

(10 Markah)

Angka Giliran: _____

- 4) Konsep hegemoni yang bersifat Neo-Realis telah memberikan pendekatan yang tersendiri dalam melaksanakan konsep hegemoni dan pedominasian di arena perhubungan antarabangsa. Terangkan dengan ringkas.

(10 Markah)

Angka Giliran: _____

- 5) Dalam membincangkan persoalan prospek Jepun sebagai aktor dominan di rantau Asia Timur ini, beberapa masalah telah diutarakan. Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan “Bureaucratic infighting” dan “Lack of Credibility of East Asia Political Initiatives”.

(10 Markah)

BAHAGIAN B: (50 Markah)

Jawab **DUA** (2) Soalan sahaja.

Soalan 2

“Formalisation of European Single Market” dan “kewujudan NAFTA” telah dikatakan akan mewujudkan satu ancaman yang kuat kepada regionalisasi Asia Timur terutamanya regionalisasi EAEG. Bincangkan dan nilaikan dengan kritikal.

(25 Markah)

Soalan 3

Dr. Soogil Young seorang sarjana dari Korea telah mengatakan bahawa terdapat dua masalah utama yang akan menghalang kewujudan EAEG. Salah satu daripadanya adalah persoalan pelaksanaan atau “implementability” EAEG sebagai satu badan gabungan ekonomi Asia Timur. Bincangkan masalah “implementability” ini.

(25 Markah)

Soalan 4

Menteri Luar Jepun di era Perang Dunia Kedua, Matsuoka Yosuke, telah memberikan dua prinsip utama untuk melaksanakan rancangan “penjelajahan” Jepun ke Asia Tenggara. Apakah prinsip-prinsip ini. Adakah prinsip-prinsip ini masih relevan di masakini. Bincangkan dengan kritikal.

(25 Markah)

Soalan 5

Dalam membincangkan konsep hegemoni, kita telah didedahkan kepada beberapa definisi. Definisi yang diutarakan oleh Philip G. Cerny adalah berupa satu definisi yang sempit dimana beliau menerangkan bahawa terdapat satu elemen kuasa diperlukan oleh hegemon untuk menyelaraskan sistem ekonomi antarabangsa dengan lebih efisien. Apakah elemen kuasa tersebut. Bincangkan dengan kritikal definisi Philip G. Cerny.

(25 Markah)